

Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia

Usage os Songs in Enhancing Vocabulary Acquisition among Japanese Language Learners in Universiti Putra Malaysia

Muhammad Alif Redzuan Abdullah¹, Sanimah Hussin²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
31 MAC 2018	27 DISEMBER 2018	31 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Kesukaran dalam menghafal kosa kata bahasa Jepun merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Putra Malaysia (UPM). Penggunaan lagu merupakan kaedah pengajaran yang dapat digunakan untuk mempermudah proses pembelajaran, khususnya dalam penguasaan kosa kata. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan lagu dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Jepun pelajar di Universiti Putra Malaysia. Kajian secara kuantitatif ini adalah untuk menganalisis kemahiran penguasaan kosa kata dan kesan penggunaan lagu terhadap kemahiran psikomotor serta afektif pelajar terhadap pembelajaran bahasa Jepun setelah menggunakan lagu ciptaan penyelidik dalam kuliah. Sampel kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar UPM yang mendaftar kursus bahasa Jepun 1 tahap asas. Data dikumpulkan melalui borang soal selidik dan pemerhatian. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (kekerapan dan peratusan). Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran kosa kata bahasa Jepun dengan menggunakan lagu lebih aktif berbanding model pengajaran konvensional. Malahan sampel kajian bermotivasi, tenang dan tidak bosan dalam proses pembelajaran bahasa Jepun. Implikasi kajian ini memberi cadangan bahawa penggunaan lagu dapat meningkatkan penguasaan kosa kata sampel kajian dalam pembelajaran bahasa Jepun di UPM.

Kata kunci: Lagu Jepun, penguasaan kosa kata, bahasa Jepun, pelajar, bahasa asing

ABSTRACT

This research paper aimed to investigate whether the use of songs in the Japanese language classes has an influence on vocabulary acquisition among Malaysian Japanese language learners in Universiti Putra Malaysia. The study was conducted on 100 students learning the Japanese language at the beginner level as a foreign languages subject at Universiti Putra Malaysia (UPM). Data were collected through questionnaires and observations. The analytical descriptive result showed that the participants were motivated, calm and not bored in the Japanese language learning classroom. The implication of the study suggests that the use of the songs can enhance vocabulary acquisition among students learning Japanese language in UPM

Keywords: Japanese songs, vocabulary acquisition, Japanese language, student, foreign language

¹ Muhd Alif Redzuan Abdullah, PhD, Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, muhammadalif@upm.edu.my.

² Sanimah Hussin, PhD, Pensyarah, Pusat Kemajuan dan Kompetensi Bahasa, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, sanimah@upm.edu.my.

Pengenalan

Kosa kata dalam bahasa Jepun adalah 語彙 (*Goi*). Kosa kata atau *Goi* merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana saiz kosa kata yang besar, banyak dan pelbagai bentuk tidak mudah dipelajari dan diingati untuk tujuan berkomunikasi. Kosa kata dalam bahasa Jepun boleh dikategorikan kepada *wago*, *kango*, *gairaigo* dan *konshugo*. *Wago* merupakan kosa kata asli bahasa Jepun, *kango* merupakan kosa kata yang ditulis dengan huruf *kanji* (aksara Cina), *gairaigo* merupakan kosa kata pinjaman/serapan daripada bahasa asing dan *konshugo* merupakan kosa kata yang terbentuk daripada gabungan *wago* dengan *kango*, *wago* dengan *gairaigo*, atau *kango* dengan *gairaigo* (Lina Rosliana, 2009). Contohnya kertas adalah かみ (*kami*) dalam *wago*, 紙 (*shi*) dalam *kango* dan ペーパ (pe-pa) dalam *gairaigo*.

Menurut Kato (1990:79) penggunaan kosa kata dalam bahasa lisan bahasa Jepun boleh dibahagikan kepada *wago* 46.9%, *kango* 40.0%, *gairaigo* 10.1% dan *konshugo* 3.0%. Pelajar bahasa Jepun yang ingin menguasai kosa kata bahasa Jepun dengan baik harus menghafal sebutan atau bacaan kosa kata mengikut *wago*, *kango*, *gairaigo* dan *konshugo* yang betul supaya tidak kedengaran janggal dalam komunikasi bahasa Jepun. Sebutan atau bacaan nombor dalam bahasa Jepun boleh berubah daripada nombor nominal kepada tarikh ataupun waktu. Lihat contoh di bawah:

Jadual 1: Sebutan Nombor dalam Bahasa Jepun

Nombor Nominal	Haribulan	Bulan	Waktu
よん(Yon) <i>Empat</i>	よっか(Yokka) <i>Empat haribulan</i>	しがつ (Shi Gatsu) <i>Bulan empat</i>	よじ(Yo Ji) <i>Pukul empat</i>
しち(Shichi) <i>Tujuh</i>	なのか(Nanoka) <i>Tujuh haribulan</i>	しがつ (Shichi Gatsu) <i>Bulan tujuh</i>	しちじ (Shichi Ji) <i>Pukul tujuh</i>
きゅう(Kyuu) <i>Sembilan</i>	このか(Kokonoka) <i>Sembilan haribulan</i>	くがつ (Ku Gatsu) <i>Bulan sembilan</i>	くじ (Ku Ji) <i>Pukul sembilan</i>

Justeru pengajar bahasa Jepun harus kreatif dalam mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah pelajar dalam menguasai kosa kata bahasa Jepun dengan penggunaan media, permainan, kaedah pengajaran, alat bantuan mengajar atau platform alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan media seperti lagu merupakan satu kaedah yang praktikal untuk pengajaran kosa kata bahasa Jepun kerana lagu mengandungi pelbagai elemen emosi seperti gembira, sedih, semangat dan perasaan emosi lain yang dapat menyentuh perasaan seseorang yang mendengarnya. Malahan lagu juga mampu menyediakan medium penyebutan yang secara tidak sedar disimpan dalam memori otak.

Pengajaran kosa kata memerlukan penggunaan media yang menyeronokkan dan menarik untuk membantu pelajar memahami kosa kata bahasa Jepun dengan mudah. Ini disokong oleh Hipotesis Afektik Krashen (2003) yang menyatakan bahawa lagu boleh menjadi sumber terbaik untuk mengurangkan tekanan dan kebimbangan dalam pembelajaran bahasa asing kerana melodi lagu dan lirik lagu menarik dapat mengurangkan 'penapis afektik' untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang santai dan berkesan (Butzlaff, 2000, Johnson & Memmott, 2006; Shen, 2009). Malahan nyanyian lagu dapat meningkatkan minat,

keseronokan dan keyakinan pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing. Apabila pelajar mendengar lagu, mereka sebenarnya terdedah kepada sebutan penutur asli dengan menggunakan sebutan yang betul; dan ketika mereka menyanyikan lagu, mereka sebenarnya menggunakan bahasa itu. Di samping itu, irama dan melodi lagu-lagu sangat membantu para pelajar menggunakan kosa kata secara semulajadi (Farrug, 2008).

Walaupun penyelidikan mengenai penggunaan lagu dalam pengajaran bahasa Jepun tidak banyak dijalankan di dalam atau di luar negara, namun demikian terdapat beberapa kajian mengenai penggunaan lagu dalam pembelajaran bahasa asing selain daripada bahasa Jepun, seperti bahasa Inggeris (Brett et al., 1996; Zimmerman, 1997) Bahasa Sepanyol (Pressley, et al., 1980), bahasa Perancis (Abrate, 1983), dan bahasa Itali (Nuessel & Cicogna, 1991). Antara kajian yang dijalankan terhadap bahasa Jepun adalah Hirano (2007) menyatakan bahawa menggunakan lagu dalam kelas pengajaran bahasa Jepun boleh memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar di luar kelas bahasa Jepun. Di samping itu Mori (2011) telah menjalankan kajian terhadap 30 orang pelajar bahasa Jepun di Universiti Kansas yang mendapati penggunaan lagu adalah efektif dalam pemerolehan kata kerja transitif dan intransitif. Namun demikian tidak banyak maklumat daripada kajian di atas menunjukkan kesan positif atau negatif terhadap penggunaan lagu dalam pembelajaran bahasa Jepun.

Justeru, pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian mengenai penggunaan lagu untuk meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar bahasa Jepun di UPM. Bertitik tolak dari situ, kajian ini dijalankan dengan dua tujuan iaitu yang pertama untuk menganalisis hubungan penggunaan lagu dengan penguasaan kosa kata bahasa Jepun pelajar. Tujuan yang kedua adalah untuk melihat kesan penggunaan lagu terhadap kemahiran psikomotor serta afektif pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Jepun setelah menggunakan lagu ciptaan pengkaji dalam kuliah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan untuk membantu guru atau tenaga pengajar mendapat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur menunjukkan bahawa masalah asas dalam penguasaan bahasa Jepun berhubung kait dengan masalah kekurangan kosa kata bahasa Jepun. Masalah kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa Jepun menyekat keupayaan pelajar untuk menggunakan bahasa Jepun dengan fasih dalam bentuk tulisan mahupun lisan (Suraiya Mohd Ali, 1989; Muhammad Alif Redzuan, 2005; Sanimah Hussin, 2006; Zoraida Mustafa, 2009; Ahmad Suhaimi Lazim, 2010; Hieda & Maserah, 2012; Muhammad Alif Redzuan Abdullah, 2014). Justeru itu, untuk menguasai kosa kata bahasa Jepun dengan berkesan akan menjadi langkah paling penting sebelum pelajar boleh menguasai bahasa Jepun dengan baik.

Menurut Hipotesis Input Krashen (1982), pemerolehan kosa kata baru akan berlaku apabila makna kosa kata baru tersebut diterangkan terlebih dahulu kepada pelajar. Makna sesuatu kosa kata boleh disampaikan menggunakan alat bantuan pengajaran ekstra-linguistik seperti ilustrasi, pergerakan, gambar dan benda realia. Menurut Medina (2002) penggunaan lagu dalam kelas bahasa asing selaras dengan Hipotesis Input Krashen (1982). Ini adalah disebabkan lagu bahasa Jepun memudahkan pelajar mempelajari dan mengingat apa yang telah diajar dalam pembelajaran bahasa Jepun kerana suasana pembelajaran bahasa Jepun yang santai dan menyeronokkan (Yamato, 2006; Hirano, 2007). Maka pelajar akan lebih yakin

dan peka daripada biasa dan mudah memperolehi kosa kata baru dengan lebih berkesan. Ini disokong oleh kenyataan Falioni (1993) bahawa "penggunaan lagu dalam kelas bahasa asing merupakan satu kaedah pengajaran untuk memberikan tumpuan kepada pelajar dan menghasilkan pelajar yang lebih komited."

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penggunaan lagu dapat meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran bahasa Jepun secara eksplisit atau secara tersirat. Di samping lagu merupakan alat pemotivasi yang berkesan yang mendorong pelajar untuk menumpukan fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Walaupun banyak kajian yang dijalankan terhadap penguasaan kosa kata bahasa asing, namun demikian tiada kajian sebelum ini yang dijalankan berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Jepun dalam kalangan pelajar di Malaysia. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan lagu ciptaan pengkaji dengan penguasaan kosa kata pelajar bahasa Jepun di UPM.

Metodologi

Seramai 100 orang pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa berumur dalam lingkungan 19 hingga 24 tahun yang mengikuti program bahasa Jepun tahap 1 di UPM sebagai subjek kemahiran elektif dipilih secara "*stratified random sampling*" terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soalan yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan soalan *open ended* mengenai demografi sampel kajian. Bahagian kedua merupakan soalan yang berkenaan dengan persepsi pelajar terhadap penggunaan lagu Jepun terpilih dalam meningkatkan penguasaan kosa kata mereka.

Pemerhatian juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak diperolehi daripada soalan soal selidik. Lima buah lagu yang telah dipilih adalah pendek, mudah dan menyamai kosa kata yang terdapat dalam buku teks "*Minna no Nihongo*". Lagu-lagu Jepun terpilih telah dimuat naik dalam e-portal pembelajaran supaya dapat diakses di dalam dan luar kelas. Sampel kajian diminta mengisi set soalan soal selidik pada minggu ke-14 semester 2 sesi 2016/17 untuk mendapatkan data kajian mengenai persepsi pelajar dan mengetahui lagu-lagu yang menarik dalam kalangan pelajar.

Soalan kajian:

1. Adakah penggunaan lagu Jepun dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar bahasa Jepun di UPM?
2. Apakah kesan penggunaan lagu Jepun terhadap kemahiran psikomotor serta afektif pelajar dalam pembelajaran kosa kata bahasa Jepun?

Dapatan Kajian

Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan SPSS versi 20 untuk mendapatkan hasil kajian mengenai persepsi sampel kajian terhadap penggunaan lagu bahasa Jepun dalam meningkatkan penguasaan kosa kata mereka. Di samping itu pemerhatian digunakan untuk mendapatkan data kajian tambahan yang tidak diperolehi dalam borang soal selidik. Data kajian yang dikumpulkan dari sampel kajian telah disusun dalam beberapa kategori dan kemudian diringkaskan. Hasilnya seperti yang ditunjukkan di bawah.

5.1 Maklum Balas Sampel Kajian Terhadap Lagu yang Digunakan

Sampel kajian diminta menilai diri mereka mengenai lagu yang digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada respons yang dikumpulkan dari borang penilaian diri adalah seperti yang dirakamkan dalam Jadual 1.

Jadual 2: Borang Penilaian Maklum Balas

Lagu	Maklum Balas (%)			
	Sangat Suka	Suka	Tidak Suka	Sangat Tidak Suka
動詞(Doushi)	83 .00	17.00	0.00	0.00
数字(Suuji)	85 .00	15.00	0.00	0.00
質問(Shitsumon)	87 .00	13.00	0.00	0.00
日日(Hinichi)	90 .00	10.00	0.00	0.00
挨拶(Aisatsu)	95 .00	5.00	0.00	0.00

Daripada jawapan, jelas bahawa semua sampel kajian suka dengan lima buah lagu ciptaan pengkaji dan tiada seorang pun daripada sampel kajian yang tidak menyukai lagu-lagu yang digunakan dalam kajian ini. Hampir 80% sampel kajian sangat suka dengan lagu動詞 (Doushi), 数字(Suuji), 質問 (Shitsumon) dan 20% sampel kajian menyukainya. Manakala 90% sampel kajian sangat suka lagu日日(Hinichi), 挨拶(Aisatsu) dan 10% menyukainya. Kesimpulan ini menunjukkan bahawa sampel kajian seronok dengan integrasi lagu dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Jepun. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Abrate (1983), Bancroft (1999), Brady (1980), Gatti-Taylor (1980), Little (1983), Melpignano (1980), and Pyper (2005) bahawa semua orang suka dengan lagu yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

5.2 Persepsi sampel kajian mengenai penggunaan lagu Jepun terhadap pemerolehan kosa kata bahasa Jepun asas.

Dapatan kajian menunjukkan hampir 90% sampel kajian bersetuju bahawa lagu-lagu Jepun membantu mereka untuk mengenali dan mengingati kosa kata dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana apabila sampel kajian berulang kali menyanyikan lagu-lagu Jepun, tahap keyakinan mereka meningkat dan kekangan mereka untuk menguasai kosa kata baru berkurangan. Ini selaras dengan kenyataan Li & Brand (2009) bahawa "irama lagu dengan lirik berulang-ulang merupakan wahana untuk meningkatkan tahap ingatan kosa kata pelajar dalam pembelajaran bahasa dan kecekapan kemahiran bahasa lain seperti struktur tatabahasa dan sebutan dalam kalangan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua."

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir semua sampel kajian bersetuju bahawa penggunaan lagu-lagu Jepun dalam pembelajaran bahasa Jepun adalah sangat menarik. Sampel kajian menyatakan bahawa melalui penggunaan lagu Jepun dapat meningkatkan minat dan membantu mereka untuk menghafal dengan lebih berkesan melalui rima lagu bahasa Jepun. Malahan ada sampel kajian menyatakan bahawa penggunaan lagu

bahasa Jepun lebih menarik berbanding dengan kuliah konvensional. Di samping itu, persekitaran pembelajaran bahasa Jepun akan lebih interaktif kerana penggunaan lagu akan melibatkan interaksi antara pengajar bahasa Jepun dengan sampel kajian.

Data kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan lagu dapat membantu sampel kajian untuk menyebut kosa kata baru dengan lebih baik. Sampel kajian dalam sesi temubual menyatakan irama dan melodi lagu-lagu Jepun yang didengar berulang kali seperti terakam dalam memori mereka. Ini membuatkan sampel kajian boleh mengimbas kembali dan menyebut kosa kata yang dipelajari dalam lagu-lagu Jepun dengan lebih berkesan. Penggunaan lagu dalam pembelajaran bahasa meningkatkan ingatan hafalan. Ini dibuktikan dalam beberapa kajian yang menunjukkan lagu dan irama dapat meningkatkan ingatan hafalan pelajar bahasa asing (Deutch, 1972; Palermo, 1978; Serafina et al, 1984; Borchgrevink, 1982).

Sampel kajian teruja untuk membuat latihan kosa kata yang berkaitan dengan lagu-lagu Jepun yang diperkenalkan dalam kelas pengajaran bahasa Jepun. Mereka sedaya upaya cuba untuk mempelajari lirik lagu-lagu Jepun walaupun mereka malu untuk menyanyi dengan kuat. Oleh kerana kekangan masa, portal e-pembelajaran digunakan sebagai platform untuk sampel kajian memuatnaik dan mendengar lagu-lagu Jepun berulang kali mengikut keselesaan mereka. Selain itu, makna kosa kata atau lirik baru telah diedarkan pada sampel kajian agar dapat memahami lagu-lagu Jepun tersebut. Pemantauan berterusan telah dilakukan dengan mengumpul markah sampel kajian dalam latihan kosa kata berbentuk file excell dan telah dijumlahkan pada hujung minggu ke-14 semester 2 sesi 2016/17. Markah keseluruhan sampel kajian menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata secara berterusan daripada latihan pertama sehingga latihan kosa kata terakhir.

5.3 Persepsi sampel kajian mengenai penggunaan lagu Jepun terhadap kemahiran psikomotor serta afektif pelajar dalam pembelajaran kosa kata bahasa Jepun

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir semua sampel kajian berasa fokus dalam pembelajaran kosa kata bahasa Jepun dalam kelas kerana terlibat secara langsung dalam aktiviti nyanyian lagu. Mereka berasa seronok dan gembira kerana dapat membuat gerakan yang berkaitan dengan lagu yang mereka nyanyikan sewaktu proses pembelajaran kosa kata yang berkaitan. Di samping itu, sampel kajian menyatakan bahawa mereka tidak berasa bosan dan hilang tumpuan kerana deria mereka bergerak aktif sepanjang aktiviti nyanyian dijalankan. Ini berbeza dengan kelas konvensional yang membuatkan sampel kajian hanya duduk dan menyalin nota yang diberikan oleh pensyarah.

Proses aliran bahasa dalam nyanyian lagu dipastikan dengan penggunaan pelbagai kecerdasan verbal linguistik seperti kecerdasan visual-spasial iaitu membaca lirik ; kecerdasan kinestetik atau psikomotor iaitu bertepuk tangan atau menari dengan rentak; dan melaungkan sebagai kumpulan keseluruhan, mereka menggunakan kecerdasan interpersonal. Proses ini memudahkan pemerolehan bahasa kedua kerana keseronokan dalam lagu membantu pelajar bahasa asing mengembangkan naluri mereka untuk mengenal ciri-ciri linguistik bahasa sasaran melalui nyanyian (Christison, 1995; Wiggins, 2007).

Aspek afektif sampel kajian juga berkembang dengan penggunaan lagu Jepun kerana sampel kajian harus menunjukkan emosi mereka sewaktu menyanyikan lagu-lagu tersebut. Ini adalah kerana lagu mengandungi pelbagai elemen emosi seperti gembira, sedih, semangat dan perasaan emosi lain yang dapat menyentuh perasaan seseorang yang mendengarnya.

Sampel kajian menyatakan bahawa lagu adalah alat motivasi yang berkesan untuk mengurangkan tekanan belajar dan kebimbangan. Seperti yang ditunjukkan oleh Butzlaff (2000), sifat lagu yang menyeronokkan, muzik dan lirik lagu yang bercorak rentak dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang santai, afektif dan tekanan rendah, dan oleh itu memupuk keadaan emosi yang positif dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, muzik dan lagu dapat berfungsi secara langsung dengan memotivasi pelajar untuk belajar bahasa Jepun, menurunkan "penapis afektif" dan membawa rangsangan maksimum dan pemerolehan bahasa yang berkesan (Butzlaff, 2000, Johnson & Memmott, 2006). Ini selari dengan dapatan kajian Yamato (2006) dan Hirano (2007) bahawa lagu bahasa Jepun memudahkan pelajar mempelajari dan mengingat apa yang telah diajar dalam pembelajaran bahasa Jepun kerana suasana pembelajaran bahasa Jepun yang santai dan menyeronokkan.

Kesimpulan

Penggunaan lagu-lagu Jepun dalam pengajaran kosa kata baru kepada pelajar dapat meningkatkan motivasi dan minat supaya pelajar berasa seronok dan tidak berasa bosan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Penggunaan lagu-lagu Jepun yang menarik iramanya membantu pelajar untuk menghafal dan mengingat kosa kata bahasa Jepun dengan lebih berkesan. Justeru itu, penggunaan lagu dalam pengajaran kosa kata bahasa Jepun memberi kesan positif dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Jepun pelajar di UPM. Malahan aspek kognitif, psikomotor dan afektif berkembang selaras dengan pemerolehan kosa kata pelajar sepanjang proses pembelajaran kosa kata bahasa Jepun berlaku

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan dengan dana Geran Putra Insentif Pensyarah Muda UPM 2015, Pusat Pengurusan Penyelidikan, UPM.

Rujukan

- Abrate, J. H. 1983. Pedagogical Applications of the French Popular Song in the Foreign Language Classroom. *The Modern Language Journal*. Vol 67.
- Ahmad Suhaimi Lazim. 2010. *Dua Dekad Dasar Pandang Ke Timur: Satu Penilaian Aspek Pendidikan (1982-2002)*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Bancroft, J. 1999. *Suggestopedia and Language Acquisition: Variations on a Theme*. New York: Gordon and Breach Publishers.
- Brady, A. D. 1980. Opera as a Motivating Device. *Foreign Language Annals*, Vol 6.
- Brett, A., Rothlein, L. & Hurley, M. 1996. Vocabulary Acquisition from Listening to Stories and Explanations of Target Words. *The Elementary School Journal*. Vol 96, No 4.

- Borchgrevink, H. 1982. Prosody and Musical Rhythm are Controlled by the Speech Hemisphere. In M. Clynes (Ed.), *Music, Mind and Brain*. New York: Plenum Press
- Butzlaff, R. 2000. Can Music be Used to Teach Reading? *Journal of Aesthetic Education*. Vol 34.
- Christison, M. A. 1995. *English through Poetry*. San Francisco, CA: Alta Books.
- Deutsch, D. 1972. Music and Memory. *Psychology Today*. Vol 6.
- Gatti-Taylor M. (1980). Songs as a Linguistic and Cultural Resource in the Intermediate Italian Class. *Foreign Language Annals*. Vol 6.
- Hirano, E. 2008. The effects of Utilizing Japanese Songs for Acquiring Japanese Pitch as a Foreign Language. Paper presented at the Annual Meeting of the Central Association of Teachers of Japanese, University of Wisconsin–Madison. United States of America. May.
- Farrug, D. 2008. How Music Helps Language Learning. http://languagestudy.suite101.com/article.cfm/why_use_music_to_learn_language. 1 May 2017.
- Falioni, J. W. 1993. Music as Means to Enhance Cultural Awareness and Literacy in the Foreign Language Classroom. *Mid-Atlantic Journal of Foreign Language Pedagogy*. Vol 7.
- Johnson, C. M. & Memmott, J. E. 2006. Examination of Relationships between Music Programs of Differing Quality and Standardized Test Results. *Journal of Research in Music Education*. Vol 54, No 4.
- Kato, Y. et.al. 1990, *Nihongo no Gaisetsu*. Tokyo: Oufuusha.
- Krashen, S. 1982. *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon Press.
- Krashen, S. 2003. *Explorations in Language Acquisition and Use*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Lina Roslina. 2009. Proses Pembentukan Kosa Kata Bahasa Jepang (WAGO). *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya (LITE)*. Vol 5, No. 2.
- Li, X., & Brand, M. 2009. Effectiveness of Music on Vocabulary Acquisition, Language Usage, and Meaning for Mainland Chinese ESL learners. *Contributions to Music Education*. Vol 36, No 1.
- Little, J. 1983. Pop and Rock Music in the ESL Classroom. *TESL Talk*. Vol 14, No 4.
- Medina, S. (2002). Acquiring Vocabulary through Story-Songs. *MEXTESOL Journal*. Vol 23, No 1.

- Maserah Shabudin & Hieda.N. 2012. Sikap dan Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Jepun di Kalangan Mahasiswa UKM. *Jurnal Linguistik*. Vol 16.
- Melpignano, R. J. 1980. A different use for French songs in the classroom. *Foreign Language Annals*. Vol 6.
- Mori, N. 2010. Effects of Singing on the Vocabulary Acquisition of University Japanese Foreign Language Students. Proceedings of the 25th Annual Conference of the Southeastern Association of Teachers of Japanese (SEATJ). Durham, NC. <http://web.duke.edu/apsi/events/Conferences/SEATJ2010Conference/Proceedings.html>
- Muhammad Alif Redzuan. 2005. Sikap Pelajar Cina terhadap Pembelajaran Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah. 2014. Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Melayu di Malaysia. Tesis PhD Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nuessel, F. & Cicogna, C. 1991. The Integration of Songs and Music into the Italian Curriculum. *Italica*. Vol 68, No 4.
- Palermo, D. 1978. *The Psychology of Language*. Illinois: Scott, Foresman and Company.
- Paquette, Kelli. 2008. *Using Music to Support the Literacy Development of Young English Language Learners*. [http://www. Proquest.Com/book. Com/book/the-literacy-development-of-young-english-language-learners](http://www.Proquest.Com/book/Com/book/the-literacy-development-of-young-english-language-learners).
- Pressley, M., Levin, J. R., Hall, J. W., Miller, G. E., & Berry, J. K. 1980. The Keyword Method and Foreign Word Acquisition. *Journal of Experimental Psychology*. Vol 6.
- Pyper, M. J. 2005. Music and Motivation in the Second Language College Classroom. Dissertation Abstracts International. *The Humanities and Social Sciences*. Vol 67, No 2.
- Sanimah Hussin. 2006. Strategi Komunikasi Lisan di Kalangan Pelajar-Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Serafine, M., Crowder, R. and Repp, B. 1984. Integration of Melody and Test in Memory for Songs. *Cognition*. Vol 16, No 3.
- Shen, H. H. 2009. Size and Strength: Written Vocabulary Acquisition among Advanced Learners. *Chinese Teaching in the World*. Vol 23, No 1.
- Suraiya Mohd Ali. 1989. *An Examination of Case Particle Errors in the Written Work of Malay Learners of Japanese*. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wiggins, D. G. 2007. Pre-K Music and the Emergent Reader: Promoting Literacy in a Music Enhanced Environment. *Early Childhood Education Journal*. Vol 35, No 1.

- Yamato, E. 2006. Nihon Drama Shichoo to Nihongo Gakushu (Watching Japanese Drama and Learning Japanese Language). *Nihongakukan* Vol 10.
- Zimmerman, C. B. 1997. Do Reading and Interactive Vocabulary Instruction Make a Difference? An Empirical Study. *TESOL Quarterly*. Vol 31, No 1.
- Zoraida Mustafa. 2009. Analisis Kesilapan Pelajar Melayu Di Dalam Karangan Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes ke atas Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ). *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*.